

PENILAIAN FAKTOR PEMILIHAN LOKASI KAWASAN
BERMAIN MESRA KANAK-KANAK

Kajian Kes: Taman Sri Skudai, Johor.

HADIBAH BINTI JAHIDIN

Laporan projek ini dikemukakan
Sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat Penganugerahan
Ijazah Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah

Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

APRIL 2010

ABSTRAK

Keperluan kanak-kanak untuk bermain adalah aspek terpenting di dalam proses perkembangan dan keseimbangan fizikal dan psikologi mereka. Seringkali taman permainan dianggap sebagai lokasi terbaik yang mampu menyediakan keperluan bermain kepada kanak-kanak. Malangnya, taman permainan seringkali menyediakan peluang yang terhad kepada kanak-kanak untuk menjelajah zaman kanak-kanak mereka. Seharusnya keseluruhan kawasan dalam sesebuah taman permainan direkabentuk dengan memberi penekanan terhadap keperluan dan kehendak kanak-kanak sekaligus memberi peluang yang tinggi kepada kanak-kanak untuk bermain dimana sahaja dalam kawasan perumahan tersebut dengan selamat. Oleh itu objek kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti lokasi-lokasi yang dipilih oleh kanak-kanak untuk bermain, ciri-ciri kawasan permainan yang dipilih oleh kanak-kanak, menilai keadaan lokasi pilihan dari aspek keselamatan, keselesaan, kemudahsampaian dan pergerakan seterusnya merangka cadangan yang bersesuaian dari sudut perancangan bagi menyediakan lokasi bermain terbaik untuk kanak-kanak dalam kategori usia pertengahan iaitu 7 sehingga 12 tahun. Kajian ini dijalankan di Taman Sri Skudai. Bagi memenuhi objektif kajian, data dan maklumat yang dikumpul dan diperolehi melalui kajian literasi, temubual dengan kanak-kanak dan pemerhatian terperinci terhadap kawasan kajian akan dianalisis mengikut kaedah analisis frekuensi, jadual silang dan skala likert. Dari hasil kajian yang dilakukan didapati bahawa masalah utama yang dihadapi di dalam penyediaan lot dan padang permainan di dalam kawasan kajian adalah tahap kemudahsampaian yang rendah iaitu 33% diikuti oleh tahap keselesaan (31%) dan keselamatan (13%) yang kurang. Tahap kemudahsampaian dan keselamatan yang rendah telah mengurangkan kebolehan kanak-kanak untuk menggunakan lot dan padang permainan yang disediakan. Manakala kadar keselesaan yang rendah telah mengurangkan minat kanak-kanak untuk menggunakan kawasan bermain tersebut lalu memilih kawasan lain. Cadangan yang dikemukakan akan membantu pihak bertanggungjawab untuk memperbaiki penyediaan kawasan bermain di dalam kawasan kajian seperti menyediakan kawasan bermain yang lebih selesa mengikut keperluan kanak-kanak, mempertingkatkan tahap kemudahsampaian kanak-kanak ke lokasi permainan serta mengambilkira aspek keselamatan dalam perancangan kawasan bermain tersebut.

ABSTRACT

Children's need to play is the most important aspect in the process of developing their psychological and physical balance. Playground is considered as the best location for children to play and explore. However, some of the playgrounds have very limited facilities that stuck the children to explore their childhood. Playground should be designed by emphasizing on the needs and requirements of children while providing a high opportunity to children to play only in areas where housing is safe. Therefore the object of this study was conducted to identify the locations chosen by the children to play; the features of the playing areas selected by the children, assess of the location in term of security, convenience and accessibility aspects; and formulate appropriate proposals from the planning view to provide the best location to play for middle age children (7 to 12 years). To meet the objectives of the study, data collection and information are obtain through research and literature as well as interviews with children where detailed observations of the study area will be analyzed using frequency analysis, cross tabulation and Likert Scale. Results from studies conducted show that the main problem faced in the provision of lots and playground in the study area is the lowest level of accessibility (33%), followed by the low level of comfort (30%) and safety (13%). Low of accessibility and security has reduced the ability of children to use the playground. While minimal comfort aspect has reduced their interest to use the play area and choose other areas to play. This proposal is meant to determine ways to improve the play area provided in study area. These proposals will act as guidelines to responsible parties in drafting the provision of play areas that meet the needs of middle age children in the development of new residential areas such as provide comfortable playground based on children need, upgrade children accessibility to the playground and take on considerate children safety in preparing the playground.